



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK MOHD ADZRAN BIN OMAR
PELUKIS VETERAN**

OLEH:

MUHAMMAD SAFDAR IZZUL ISLAM BIN MOHD YATIM	2020456016
AHMAD SYAMIL BIN ISMAIL	2020852852

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKTOBER 2022 – FEBRUARI 2023)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK MOHD ADZRAN BIN OMAR
PELUKIS VETERAN

OLEH:

MUHAMMAD SAFDAR IZZUL ISLAM BIN MOHD YATIM	2020456016
AHMAD SYAMIL BIN ISMAIL	2020852852

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKTOBER 2022 – FEBRUARI 2023)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T

Sekalung penghargaan kami ucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyelesaikan tugas IMR604 (Pendokumentasian Sejarah Lisan) kami ini yang melibatkan temu bual dengan tokoh.

Kami ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Puan Nurulannisa Binti Abdullah, pensyarah kami bagi subjek IMR604 di atas segala panduan, tunjuk ajar, pendapat, nasihat dan dorongan beliau dalam menyelesaikan tugas ini. Tanpa bantuan dan pandangan yang diberikan daripada beliau, kami mungkin tidak dapat menyelesaikan tugas ini dengan jayanya.

Selain itu, kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Mohd Adzran Bin Omar atau Cikgu Adzran Omar sebagai tokoh yang kami temu bual bagi berkongsi pengetahuan beliau tentang sejarah kehidupan dan kerjaya beliau sebagai tokoh seniman dalam bidang lukisan dan tersohor di Kelantan.

Seterusnya, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga yang tidak putus-putus memberi sokongan dan dorongan kepada kami untuk menyiapkan transkrip ini. Kami juga ini berterima kasih kepada kawan-kawan kami yang menghulurkan bantuan dalam menjayakan tugas ini. Kami amat menghargainya dan kami akan menjadikannya sebagai perangsang untuk menyiapkan transkrip ini dengan bersungguh-sungguh.

Sekali lagi, kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak sepanjang menjayakan tugas ini.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Senarai Abreviasi, Senarai Singkatan, Rujukan Kata, Glosari.....	iv
Biodata Penemubual dan Tokoh.....	xi
Pengenalan.....	1
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	2
Bahagian B: Sejarah Pendidikan.....	7
Bahagian C: Sejarah/Pengalaman di Universiti/Tempat Belajar...	17
Bahagian D: Kerjaya Sebagai Pelukis.....	23
Bahagian E: Pencapaian dan Anugerah	38
Bahagian F: Sumbangan dan Harapan	39
Rujukan.....	43
Lampiran	
Log Wawancara.....	44
Diari Kajian.....	50
Senarai soalan.....	61
Surat Perjanjian.....	65
Gambar.....	66
Indeks.....	67

ABSTRAK

ABSTRAK

Transkrip ini melibatkan wawancara lisan bersama tokoh dan direkodkan ke dalam bentuk hardcopy (DVD)

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi temubual bersama tokoh seniman dalam bidang lukisan iaitu Encik Mohd Adzran Bin Omar untuk mengetahui tentang kegiatan dan kerjaya beliau sebagai pelukis di Kelantan. Temubual ini telah dijalankan di gerai (booth) beliau di Bazar Tengku Anis, Kota Bharu, Kelantan. Tarikh temubual tersebut adalah pada 17 Januari 2023. Encik Mohd Adzran Bin Omar merupakan seorang guru Pendidikan Seni Visual (PSV) di SMK Zainab 2, merupakan penasihat Persatuan Penggiat Seni Lukis Kelantan (PELUKIS), merupakan ahli Angkatan Pelukis Malaysia (APS), merupakan Lakarasa Kelantan, merupakan ahli Watercolor Malaysia Society, dan merupakan ahli Persatuan Pelukis Kelantan (PESENI). Encik Mohd Adzran Bin Omar telah memulakan kerjayanya dalam bidang seni dengan memulakan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Fine Arts (BFA) di ITM Shah Alam atau dikenali kini sebagai UiTM Shah Alam pada tahun 1982 sehingga menjadi cikgu pencen pada tahun 2022. Kepakaran Encik Mohd Adzran Bin Omar tidak terhad kepada bidang pembelajaran seni di sekolah sahaja tapi juga merupakan penasihat persatuan PELUKIS, ahli APS, ahli PESENI, ahli Watercolor Malaysia Society, dan Lakarasa di Kelantan. Pelbagai cabaran dan ujian yang dihadapi oleh Encik Mohd Adzran Bin Omar sepanjang kerjayanya dalam bidang seni lukis ini. Transkrip ini akan menceritakan tentang sejarah kehidupan dan kerjaya beliau ketika menjadi seorang pelukis yang bermula dari kecil sehingga beliau dewasa.*

Kata kunci: *adzran omar, cikgu adzran omar, smk Zainab 2, seni lukis, PELUKIS*

**SENARAI
ABREVIASI,
SENARAI
SINGKATAN,
RUJUKAN KATA,
GLOSARI**

SENARAI ABREVIASI

ABREVIASI	MAKSUD
ITM	Institut Teknologi Mara
Digital SLR	Digital Single-Lens Reflex
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi MARA
IDE	Industrial Design
VR	Visual Research
VC	Visual Communication
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
IPG	Institusi Pendidikan Guru
PSV	Pendidikan Seni Visual
DG	Distinguished Graduate
ROTU	Reserve Officer Training Unit
PALAPES	Pasukan Latihan Pegawai Simpanan
gsm	Grams per square meter
PELUKIS	Persatuan Penggiat Seni Lukis Kelantan
PESENI	Persatuan Seni Lukis Kelantan
APS	Persatuan Angkatan Pelukis Malaysia
AJK	Ahli Jawatankuasa
CD	Compact Disc

SENARAI SINGKATAN

MA : Mohd Adzran

MSII: Muhammad Safdar Izzul Islam

AS: Ahmad Syamil

KB: Kota Bharu

Pre-Dip: Pra Diploma

RUJUKAN KATA

KATA	MERUJUK KEPADA
Pencen	Bersara
Booth	Gerai
An	Tahun
Pra	Awal
Moden	Canggih
Gadjet	Alatan Elektronik
Upih	Pelepah Kelapa
Tong	Tin
Daley	Dalam
Tu	Itu
Ni	Ini
Takdok	Tiada
Of Course	Sudah Tentu
Point	Perpuluhan
So	Jadi
Okay	Baiklah
Eh	Ya
Ikhtisas	Pendidikan
Belaja	Belajar
Je	Saja
Ajok	Ajak
Blako	Semua
Bubuh	Letak
Cey	Kenal
Deh	Ya
Doh	Sudah
Dok	Tak
Etek	Sebenarnya

Gapo	Apa
Huk	Yang
Je	Sahaja
Kat	Dekat
Kato	Beritahu
Klatea	Kelantan
Kugha	Conteng
Lagu tu	Seperti itu
Lepas	Selepas
Nak	Hendak
Ngaja	Mengajar
Oyak	Beritahu
Pitih	Duit
Palo	Kepala
Semutar	Kain pelilit kepala
Staro	Setakat
Tak	Tidak
Ya	Ringgit Malaysia

GLOSARI

KATA/FRASA	PENERANGAN
Abstrak	Gambaran yang dipermudahkan dari segi bentuk dan imej sebenar
Akrilik	Suatu lukisan yang menggunakan cat akrilik yang cepat kering dan boleh dilarutkan dengan air, tetapi menjadi tahan air apabila kering
APS	Merupakan satu persatuan yang ditubuhkan oleh Mohd Hoessein Enas selepas Malaysia merdeka.
Artistik	Sesuatu benda yang menunjukkan nila-nilai seni
Bogor	Satu kawasan di negara Indonesia
Borneo	Wilayah Sabah, Wilayah Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan
Borneo Arts Festival	Sebuah pameran pada tahun 2019 yang bukan sahaja tertumpu kepada seni lukisan tetapi juga mempamerkan keunikan budaya Borneo yan lain seperti kraftangan, makanan tradisional, muzik dan tarian kontemporari
Digital SLR	Merupakan satu teknologi kamera yang menggabungkan peralatan digital dengan lens kamera.
Disket	Sebuah storan penyimpanan yang berbentuk segi empat dan mempunyai pelbagai saiz daripada yang kecil sehingga besar
Floppy	Juga dikenali sebagai disket dalam bahasa inggeris
Frame	Bingkai gambar yang mempunyai pelbagai jenis, saiz dan ukuran
Gadget	Sebuah peralatan elektronik seperti smartphone, laptop dan sebagainya.
Hakiki	Memaksudkan sesuatu tugas yang sebenar
Hot press dan cold press watercolor paper	Dua jenis kertas yang mempunyai tekstur dan fungsi yang berbeza untuk melukis sesuatu lukisan
ITM	Merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang menawarkan pelbagai bidang kepada semua rakyat Malaysia terutamanya bumiputera

Jalan Kubur	Sebuah kawasan yang terdapat dalam kawasan Tanah Merah
Kampung Kraftangan	Sebuah tempat pelancongan yang berada di Bandar Kota Bharu. Walaupun namanya Kampung Kraftangan, namun ia bukanlah kampung sebenar. Ia hanyalah simbolik kepada tempat ini yang menyajikan pelbagai jualan dan pameran kraftangan.
Kugha Kugha Klatea	Sebuah pameran lukisan yang dijalankan di Muzium Negeri, Kelantan
Langkawi Sketches	Pameran yang dijalankan di Balai Seni Negara cawangan Langkawi pada 25 Mac hingga 31 Mei 2019
Leonardo da Vinci	Merupakan salah satu seniman terbesar yang dikenal di dunia
Masterpiece	Sesuatu karya yang besar atau agung
Mirrorless	Merupakan satu teknologi kamera yang menangkap gambar tanpa menggunakan cermin di dalam badan kamera
Mohd Hoessein Enas	Seorang pelukis tempatan yang berasal dari Bogor, Indonesia
Nik Aziz	<u>Tuan Guru Dato' Bentara Setia, Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat</u> merupakan ahli politik Malaysia dan bekas <u>Menteri Besar Kelantan</u>
Pastel	Krayon yang diperbuat daripada bahan bak kapur yang digunakan untuk melukis
PELUKIS	Sebuah persatuan yang terdiri daripada pelukis-pelukis tempatan
Persatuan Cat Air Malaysia	Tujuan penubuhannya ialah untuk menghidupkan karya-karya cat air dengan mesej tempatan
Plein air	Ungkapan Perancis yang bermaksud di udara terbuka yang digunakan untuk menggambarkan perbuatan melukis lukisan di luar studio.
Potret	Suatu karya yang mengekspresikan sesuatu perkara dalam bentuk lukisan.
Rembrandt	Seorang pelukis Belanda yang terkenal pada zamannya
Semutar	Kain yang digunakan untuk mengikat kepala orang lelaki Kelantan. Kainnya terdiri daripada kain batik lepas, kain tuala atau kain serban

Tanah Merah	Sebuah kawasan dalam negeri Kelantan
Tarik upih, tong kopi, tong daley air, polis sentri	Sebuah permainan zaman dahulu yang sering dimainkan di ketika mempunyai waktu luang
Tekstur	Tekstur adalah keadaan permukaan suatu benda (kasar , halus) , ukuran dan susunan jaringan bahagian suatu benda , jalinan atau penyatuan bahagian sesuatu hingga membentuk suatu benda
UiTM	Merupakan ITM pada mulanya yang diubah menjadi Universiti dan mempunyai kampus di serata negeri

**BIODATA
PENEMUBUAL
DAN TOKOH**

BIODATA PENEMUBUAL



Nama : Muhammad Safdar Izzul Islam Bin Mohd Yatim

Tarikh Lahir :

Tempat Lahir : Negeri Sembilan

Alamat : PKetereh, Kelantan

No Telefon :

Emel : @student.uitm.edu.my

Program : Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)



Nama : Ahmad Syamil Bin Ismail

Tarikh Lahir :

Tempat Lahir : Kota Bharu, Kelantan

Alamat : PKota Bharu, Kelantan

No Telefon :

Emel : Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

Program :

BIODATA TOKOH



Nama : Mohd Adzran Bin Omar

Nama Samaran : Cikgu Adzran/Abah/Ayah Mad

Tarikh Lahir :

Tempat Lahir : Tanah Merah, Kelantan

Alamat : Kota Bharu, Kelantan

No Telefon : @gmail.com

Emel : Guru Seni Lukis & Pelukis

Profesion : Seni Lukis

Bidang :

PENGENALAN

PENGENALAN

Kajian telah dijalankan terhadap seorang tokoh seniman dalam bidang lukisan iaitu, Mohd Adzran Omar atau lebih dikenali sebagai Cikgu Adzran. Penyelidik menemui maklumat mengenai Cikgu Adzran di laman 'Facebook'. Maklumat-maklumat mengenai tokoh didapati di dalam internet seperti nombor telefon, nama penuh dan juga alamat tempat tokoh berkarya. Penyelidik menelefon Cikgu Adzran untuk mendapatkan kebenaran dan juga untuk menetapkan masa dan tempat yang sesuai untuk menjalankan sesi temuramah.

Seterusnya, penyelidik mula mencari maklumat yang lebih lanjut mengenai tokoh yang ingin ditemu bual di dalam internet. Hal ini bagi menambahkan lagi informasi dan juga persoalan yang akan ditanya terhadap tokoh. Antara maklumat yang dicari lebih lanjut termasuklah, latar belakang Cikgu Adzran, kejayaan Cikgu Adzran dan juga sumbangan Cikgu Adzran. Selepas beberapa maklumat dikumpul, penyelidik telah menyiapkan soalan kajian untuk sesi menemu ramah bersama Cikgu Adzran. Sesi temu bual telah dijalankan di Bazaar Tengku Anis, Kelantan.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh seniman dalam bidang lukisan. Bersama-sama kami ialah Encik Mohd Adzran Omar yang merupakan seorang pelukis, ahli persatuan PELUKIS, guru di sekolah SMK Zainab 2 bidang seni lukis di Kelantan. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 17 Januari 2023 bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 2:12 petang yang bertempat di Bazar Tengku Anis di Booth Cikgu Pencen. Temubual ini dikendalikan oleh Ahmad Syamil Ismail dan Muhammad Safdar Izzul Islam Mohd Yatim. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

MA: Mohd Adzran Omar
MSII: Muhammad Safdar Izzul
Islam Mohd Yatim
AS: Ahmad Syamil Ismail

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG

AS : Bismillahirrahmanirrahim, jadi kita mulakan dengan soalan Bahagian A iaitu mengenai Latar Belakang. Soalan pertama bolehkah Encik beritahu apakah nama penuh Encik?

MA : Nama saya - Mohd Adzran Bin Omar.

AS : Soalan kedua, adakah ada apa-apa nama panggilan lain?

MA : Nama panggilan biasanya Cikgu kalau di kalangan kawan-kawan, kalau di sekolah, saya dikenali sebagai Abah, semasa saya mengajar sebagai Pensyarah sambilan di ITM, saya dikenali sebagai Ayah Mat --- .

AS : Dimanakah Encik dilahirkan?

MA : Saya dilahirkan di - Tanah Merah, Kelantan.

AS : Boleh kami tahu tarikh Encik dilahirkan?

MA : (Ketawa kecil) saya dilahirkan pada *lima* [5] haribulan September *sembilan belas enam puluh dua* [1962] di Jalan Kubur, Tanah Merah, Kelantan [Malaysia East].

AS : [Berapakah umur Encik sekarang?]

MA : *Okay* [Baiklah], umur saya sekarang *enam puluh satu* [61] tahun pada *lima* [5] September *dua kosong dua puluh tiga* [2023] nanti, *sepatutnya* [kiranya] *enam puluh* [60] [tahun] September *baruni* [baru-baru ini], *enam puluh* [60] *plus plus* [keatas].

AS : [Bolehkah Encik ceritakan bagaimana zaman kanak-kanak Encik?]

MA : *Okay* [Baiklah], pada zaman kecil, saya seperti kanak-kanak lain - dan seperti yang anak-anak tahu - saya dilahirkan sekitar *enam puluh an* [60an] - jadi *enam puluh an* [60an] *ni* [ini] kira zaman -- yang tidak maju sangat lagi - *jadi* [kiranya] -- *batch* [kumpulan] kami *ni* [ini] adalah *batch* [kumpulan] yang paling bertuah sebab *kita* [kami] melalui perubahan pra-modern dan merasai juga zaman *canggih* [modern] *ni* [ini] - jadi masa zaman kami --- masa saya kanak-kanak dulu kalau nak diceritakan masa kecil *tu* [itu] - kita tidak ada *gadjet-gadjet* [peralatan elektronik] seperti sekarang - jadi kita lebih tertumpu kepada aktiviti-aktiviti permainan cara kampung [seperti] tarik upih [contoh permainan], [kami] main satu permainan yang biasanya budak-budak kampung selalu main - mungkin pernah dengar *dok* [atau tidak] tong kopi [contoh permainan], *maing*

[main] tong *daley* [dalam] air [contoh permainan], *tahu* [pernah] *maing* [main] [ke] tong *daley* [dalam] air ? (tokoh bertanya kepada kami).

AS : Tak pernah (ketawa kecil)

MSII : Tak pernah, permainan lama

MA : *maing* [main] tong *daley* [dalam] air ni, kita *maing* [main] *nusuk* [bersembunyi] *dale* [dalam] *sunga* [sungai], polis sentry [contoh permainan], kalau lawan-lawan *ni* [ini] kita *maing* [main] - bedil buloh dan banyak lagi, *so* [jadi] permainan-permainan *tu* [itu] *loni* [sekarang] memang *takdok* [tiada] doh sebab semua diambil alih oleh *gadjet* [peralatan elektronik].

AS : Apakah aktiviti ataupun hobi yang menjadi pilihan Encik sekiranya mempunyai masa lapang?

MA : *Okay* [Baiklah], hobi saya *of course* [sudah tentu] melukis - dan - saya dulu bertugas sebagai seorang guru, guru pula guru seni lukis, jadi sesuai dengan hobi saya, saya minat melukis, saya minat *bercampaing* [berpicnic] berkelah, dan saya juga minat seni foto. Jadi sekarang bila dah pencen - saya teruskan dengan hobi melukis *tu* [itu] _ _ _ sejak dari zaman sekolah lagi pun duit saya banyak dihabiskan untuk membeli peralatan-peralatan melukis - dan bila dah naik ke sekolah menengah berjinak-jinak dengan kamera bermula dari kamera analog kamera pakai filem, kemudian bila keluar kamera digital, saya beli juga, kamera digital pertama menggunakan disket, *tahu* [pernah dengar tentang] disket ? (tokoh bertanya kepada penemubual).

MSII : Tahu

MA : Floppy [alat simpan data] *hok* [yang] bukan *hok* [yang] *tiga point lima* [3.5] *tu*

[itu].

MSII : Yang petak *kecik* [kecil] *tu* [itu] ?

MA : *Haah* [Betul], yang petak *kecik* [kecil], ada floppy yang besar *tu* [itu] *key* [kan], hok *tu* [itu] dok, *tu* [itu] digital kamera pertama daripada keluaran Sony, masih ada lagi kamera *tu*. Kemudian, *makin* [semakin] canggih *makin* [semakin] canggih sehingga kamera digital sekarang *ni* [ini] *mirrorless* [fungsi kamera] bukan lagi digital slr [fungsi kamera], tapi – apa pun hobi nombor satu – melukis (tokoh menegaskan hobinya).

AS : Boleh [kah] Encik nyatakan siapakah menjadi idola Encik?

MA : *Okay* [Baiklah], idola dalam seni lukis ni, semasa saya kecil dulu saya amat suka - menconteng di atas tanah sebelum saya bersekolah, conteng-conteng lukis atas tanah jadi bila pergi sekolah - saya diperkenalkan pada subjek seni lukis dan bila di sekolah juga bakat saya dikenali oleh guru kerana pandai melukis dan - dari guru memberi galakan memperkenalkan bidang-bidang dalam seni lukis dan daripada bacaan-bacaan buku yang dibekalkan oleh guru, saya mula mengenali pelukis-pelukis terkenal dari pelukis tempatan dan pelukis barat, *so* [jadi] idola saya, saya suka melukis potret - idola saya ialah - Allahyarham - Mohd. Hoessein Enas [pelukis terkenal di Malaysia], dia *ni* [ini] dikenali sebagai pelukis diraja Malaysia yang bertanggungjawab menubuhkan Angkatan Pelukis Semenanjung (APS), salah satu persatuan yang - lahir sebaik saja Malaysia merdeka. Hoessein Enas ini dia berasal daripada - Bogor, Jawa tapi dia berhijrah ke Malaysia di zaman jepun. Itu kalau yang Malaysia, kalau yang barat banyaklah, kalau nak sebut nama (ketawa kecil) - ramai, tapi antaranya yang

menjadi rujukan saya ialah Rembrandt, R-E-M-B-R-A-N-D-T, Rembrandt *ni* [ini] dia banyak melukis potret dan - lukisan potret dia potret diri, *mostly* [kebanyakan] karya dia daripada dia zaman muda sampailah dia tua, kenapa saya suka dia [tokoh memberi sebab kenapa ia meminati tokoh itu], sebab dia adalah pelukis yang jujur, dia melukis wajahnya daripada muda yang *hensem* [kacak] sehinggalah kepada tua yang dah jadi berkedut-kedut dengan buruk-buruk muka, jadi tidak ada tokok tambah, nanti *you* [awak] boleh *search* [mencari] nama tu (tokoh menyuruh penemubual untuk mencari info berkenaan idolanya).

MSII : Dia *Realistik* [ciri dalam seni lukis] ka?

MA : Realistik (bersetuju dengan jawapan yang diberikan). Dan ramai lagilah, tapi *tu* [itu] yang mula-mula menjadi rujukan saya.

AS : Soalan seterusnya, mengenai keluarga, apakah nama ibu bapa Encik?

MA : *Okay* [Baiklah], ayah saya - Haji Omar Bin Awang – Allahyarham, seorang pemandu lori, tapi dia ada dia juga berjiwa seni - Ibu saya Saadiah Binti Yusof suri rumah biasa. Kami bukan orang berada lah, orang kampung --- (tokoh pergi kepada soalan yang seterusnya)

AS : [Berapakah bilangan adik beradik Encik?]

MA : *Okay* [Baiklah], saya sambung *eh* [ya], adik beradik saya seramai *sepuluh* [10] orang, seronok adik beradik ramai ni, tapi *sepuluh* [10] *tu* [itu] termasuk *dua* [2] adik beradik - nak kata tiri bukan *jugak* [juga] tapi *dio* [dia] sebahagian, *sebahagian* [satu bahagian] *tu* [itu] sebapa, *satu* [1] lagi seibu, *capur* [campur] jadi *sepuluh* [10], jadi disebelah ayah saya ada *seorang* [satu orang] abang,

disebelah ibu juga saya ada *seorang* [satu orang] abang, yang seibu dan sebapa ada *lapan* [8], campur jadi *sepuluh* [10].

AS : **Okay [Baiklah], soalan seterusnya, boleh kami tahu bilangan anak Encik?**

MA : Anak saya *seorang* [satu orang] sahaja yang masih ada, sepatutnya saya ada *tiga* [3] orang anak, tapi yang *kedua* [ke-2] gugur dalam kandungan sewaktu berusia *dua* [2] bulan, yang *ketiga* [ke-3] gugur dalam kandungan sewaktu berusia *enam* [6] bulan *setengah* [1/2]. Jadi *loni* [sekarang] tinggal *sore* [sorang] dan sudah berumur *tiga puluh satu* [31] tahun, jadi kawan saya lah dia tu (ketawa kecil).

MSII : **Perempuan ke lelaki?**

MA : Lelaki.

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN

AS : **Okay [Baiklah], kita teruskan dalam Bahagian B.**

MSII : **Okay [Baiklah], untuk Bahagian B, soalnya adalah mengenai pendidikan Encik, [di manakah Encik mendapat pendidikan awal ataupun pendidikan kanak-kanak?]**

MA : Saya mendapat pendidikan awal di National-type in English Primary School, Tanah Merah [Kelantan]. Kemudian di Sekolah Menengah Dato Mahmud, Tanah Merah [Kelantan]. Kemudian saya bertukar ke Sekolah Menengah - Kubang Kerian [Kelantan] dan selepas SPM saya melanjutkan pelajaran ke - ITM pada tahun *lapan puloh* [1980] dan saya juga terus menyambung

pendidikan saya dalam bidang *ikhtisas* [pendidikan] di ITM juga. *So* [Jadi], saya tamat dan pada tahun *sembilan belas lapan puluh lima* [1985].

MSII : Okay [Baiklah], soalan seterusnya, apakah cita-cita Encik semasa zaman persekolahan?

:

MA : *Okay* [Baiklah], cita- cita, oleh kerana dah masuk ITM *tu* [itu] memanglah nak - -- masuk ITM, terus sambung dalam bahagian *ikhtisas* [pendidikan] *jadi* [kiranya] nak jadi Cikgu lah. Cikgu seni lukis (ketawa kecil).

MSII : Kiranya, cita-cita Encik ingin menjadi seorang Cikgu lah?

MA : *Haah* [Betul], cita-cita ingin menjadi seorang pendidik.

MSII : Okay [Baiklah], soalan seterusnya, apakah jawatan yang pernah Encik sandang semasa Encik belajar?

MA : *Maso* [masa] *belaja* [belajar] - saya pernah menjadi ketua tingkatan lah, ketua kelas, lepastu, oleh kerana bakat *sayo* [saya] *tu* [itu], *sayo* [saya] tak dibenarkan jadi pengawas, saya kena buat mural, saya kena buat *backdrop* [latar belakang], dulu *backdrop* [latar belakang] mana ada digital-digital, print, *takdok* [tiada]. Semua kena lukis sendiri, kalau hari sukan pun, sayalah tukang lukis (ketawa kecil) sama ada carta-carta - jadi - jawatannya ketua kelas *je* [saja] dan kalau persatuan tu, adalah persatuan seni lukis jadi pengerusi, persatuan fotografi pengerusi, *tu* [itu] *je* [saja].

MSII : Okay [Baiklah], soalan seterusnya, adakah Encik pernah memenangi sesuatu pertandingan pada zaman belajar?

MA : *Okay* [Baiklah], seingat saya - pada masa saya berumur berusia *lima belas* [15]

tahun di tingkatan *tiga* [3], saya pernah memenangi *satu* [1] pertandingan poster dakwah peringkat kebangsaan, tempat *ketiga* [ke-3], sijil *tu* [itu] masih ada lagi, jadi *tu* [itu] *je* [saja] lah yang sempat saya masuk bertanding lepastu tak masuk (ketawa kecil).

MSII : Okay [Baiklah], soalan seterusnya, apakah kursus yang Encik ambil semasa di Universiti?

MA : *Okay* [Baiklah], selepas SPM saya masuk tingkatan *enam* [6] sekejap – kemudian, saya memohon - ke UITM di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka - Art and Design, saya dapat – selepas setahun dalam - pre-dip atau pun bahagian pra, saya berjaya menyambung ke Fakulti Seni Halus.

MSII : Perubahan course?

MA : Bukan perubahan course, dia dulu ITM bukan UiTM, so ITM *ni* [ini] dia tidak ada *first year second year* [tahun 1 tahun 2], kita kena masuk *satu* [1] tahun yang pertama *tu* [itu] dia dipanggil pre-diploma, pre-dip dipanggil, *so* [jadi] untuk pre-dip *ni* [ini], kita akan belajar semua disiplin dalam Art sama ada Seni Halus, Graphic, Textile Art, Industrial Design, [dan] Pottery, kita akan belajar. Kemudian, tamat setahun [1 tahun], kita kena *interview* [temuduga] untuk masuk *department* [bahagian], jadi kalau kita lulus cemerlang, maka --- kalau saya, saya minat seni halus sebab saya -- nak jadi pelukis, saya nak jadi cikgu lukis, cikgu seni lukis. *So* [Jadi] dengan - keputusan saya dan karya-karya saya, saya berjaya memasuki bidang seni halus, dia masa dulu, bidang Seni Halus, Seni Reka Graphic, dan IDE adalah *tiga* [3] – *department* [bahagian] yang *hot* [diminati] dan paling sukar nak masuk, kalau karya tak bagus, tak pandai

melukis dan kalau *result* [keputusan] tak bagus, dan __ biasanya, __ *ni* [ini] maknanya interview tak dapat dia akan pergi ke *department* [bahagian], *department* [bahagian] Fine Metal yang macam ada di UiTM Machang dan satu lagi Pottery. Fine Metal [ialah] Seni Logam Halus.

MSII : *Okay* [Baiklah], soalan seterusnya, bolehkah kami tahu persepsi rakan-rakan dan keluarga ketika Encik memilih kursus itu?

MA : Tiada masalah, semua memberi galakan - saya mendapat sokongan dan galakan yang -- sepatutnya, Alhamdulillah.

MSII : *Okay* [Baiklah], soalan seterusnya, apakah keunikan ataupun kelebihan [yang Encik dapat melalui kursus yang Encik pilih ini ?].

MA : Keunikan dalam Fakulti Art and Design *ni* [ini] berbeza dengan sekarang, Fakulti Art and Design dulu kami (terganggu oleh suasana) diajar untuk - melatih keyakinan diri - bila kita nak start melukis *tu* [itu] kita tak terus start dengan berus, pencil, *kaler* [warna] *dok* [tidak], kita kena jadi macam orang tak betul, pergi selongkar tong sampah - cari apa saja material – subjek, yang boleh dijadikan sebagai satu *tools* [alat] untuk kita buat *drawing* [lukisan], kita panggil VR, VR *ni* [ini] Visual Research dan satu lagi VC, Visual Communication, hok *ni* [ini] VR. So [Jadi] dengan ranting kayu, dengan objek-objek yang ada tekstur, so [jadi] kita akan cuba *create* [cipta] menjadi satu alat untuk melukis, contohnya kalau kita guna kayu *burok* [buruk], *burok* [buruk] dia ada bermacam-macam jenis *key* [kan], ada yang tajam, ada yang tumpul, so [jadi] yang tajam dia akan memberi kesan halus, yang tumpul kesan kasar, yang bergerigi macam berus gigi umur dua [2] tahun *tu* [itu], kesannya lagi menarik,

tu [itu] uniknya dan kemudian semasa sesi pembelajaran, kita akan diberikan satu *tasks* [tugasan] dan student [pelajar] kena buat *brainstorming* [pemikiran idea], *brainstorming* [pemikiran idea] maknanya perah otak untuk menghasilkan satu [1] karya *tu* [itu] dan mencari kelainan, yang menunjukkan kreativiti kita tu, dan semasa *critic session* [sesi kritik] biasa kita panggil *critic session*, kita kena bentang kerja-kerja *ni* [ini] atas lantai, semua *lecturer* [pensyarah] tengok, semua kawan-kawan tengok, kalau ada *tujuh* [7] *group* [kumpulan], semua *tujuh* [7] *group* [kumpulan] tengok dan kita kena buat pembentangan, lecturer akan _ kita masa *tu* [itu] depan ramai-ramai, kalau dia rasa nak pijak, dia pijak, kalau dia rasa nak koyak, dia koyak. Jadi *tu* [itu] yang saya kata, melatih kita untuk belajar mempertahankan hasil kerja kita, kita buat, kita mesti tahu apa kita buat, satu lagi kita yakin apa yang kita buat tu, *kalo* [kalau] *tok* [tak] yakin --- ramai yang --- ada student [pelajar] yang - belum sampai setahun, *drop* [merujuk kepada melepas bidang yang dipelajari], *balik* [merujuk kepada pelajar yang tidak mahu lagi menyambung pelajaran], itu keyakinan diri, itu sebabnya kami, saya, macam Cikgu Naim [kawan tokoh] dan Cik Ilyas [kawan tokoh] *ni* [ini], bila kita dah berkerjaya, bila kita diberi apa saja tugas, tempat kotor ke, tempat tinggi ke, kita boleh lalui, tanpa rasa - malu, kekok, *Okay* [Baiklah], itu uniknya.

MSII : Melatih keyakinan diri ?

MA : *Iya* [Betul], melatih keyakinan diri.

MSII : *Okay* [Baiklah], soalan seterusnya, apakah hubungan industri dengan kursus yang Encik pilih ini?

MA : *Okay* [Baiklah], hubungan industri, *so* [jadi] kalau bidang kerjaya dalam seni *ni*

[ini] dia agak luas, bukan kata bila kita belajar seni lukis *ni* [ini] kita nak jadi pelukis saja. tapi macam saya, oleh kerana Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, *tu* [itu] *namo* [nama] *lamo* [lama] *namo* [nama] baru *ni* [ini] saya *tok* [tak] tahu sebab sekarang *ni* [ini] dah ada gabungan *key* [kan] - So dulu masa saya belajar dulu, dia ada tujuh [7] department [bahagian] - Seni Halus, Seni Graphic, Seni Reka Textile, Ceramic, IDE, (tokoh mengingat *department* [bahagian] sambil mengira menggunakan jari) *gapo* [apa] lagi *dua* [2], Seni Halus, Seni Reka Graphic, Textile, IDE, Pottery, ada dua lagi saya lupa (ketawa kecil).

MSII : Seni kayu ko [ke] [atau] seni ukir ko [ke]?

MA : Bukan --, fotografi dan - saya lupa satu lagi, *Okay* [Baiklah], *takpo* [tidak mengapa], *so* [jadi], bila kita masuk department Art and Design *ni* [ini], kita bukan dilatih untuk menjadi pelukis - dia ada banyak kerjaya dalam seni ni - antaranya, *kito* [kita] boleh jadi Art Consultant, perunding seni, *kito* [kita] *bole* [boleh] jadi Art Director, kita boleh jadi pelukis *of course* [sudah tentu] lah kan, *kito* [kita] boleh jadi Guru Seni, kito boleh jadi - Fashion Designer, *kito* [kita] boleh jadi Designer - kito boleh jadi – Programmer --- saya ada satu carta, nanti saya cek balik, *kalu* [kalau] boleh saya *share* [kongsi] dengan awak tentang apakah kerjaya yang ada kaitannya dengan seni, terlalu amat luas, paling-paling tidak sekurang-kurangnya kita boleh memahami bahawa dalam kehidupan kita *ni* [ini] ada kaitannya dengan seni, macam baju awak pakai, poster-poster apa semua ni, bangunan, dari sudut estetikanya, estetik *tu* [itu] keindahan.

MSII : *Okay* [Baiklah], saya teruskan dengan soalan yang seterusnya, apakah ada jenis halangan ketika Encik berada di Universiti macam halangan dalam

bidang yang Encik pilih, contoh kekangan dari segi kewangan ke?

MA : *Okay* [Baiklah], dari segi, bukan halangan lah, dari segi kekangan - oleh kerana saya daripada anak seorang buruh - ayah saya seorang pemandu lori - jadi pemandu lori *ni* [ini] pada sekitar *lapan puluh an* [80an] gaji dia berapa *jah* [saja], gaji dalam *empat ratus* [400] ringgit *jah* [saja], *tu* [itu] pun besar *empat ratus* [400] ringgit tu, jadi, adik beradik ramai. *So* [Jadi], seingat saya, saya hanya diberikan duit daftar pada tahun pertama saya daftar di UiTM Dungun, *Okay* [Baiklah], kemudian duit poket, duit makan, ITM yang *support* [sokong], Alhamdulillah, masa batch [kumpulan] kami lain, Bumiputera yang tak mampu *ni* [ini], yuran pendaftarannya *dua ratus* [200] tetapi, oleh kerana, kita ada klasifikasi (ketawa kecil), *kalu* [kalau] sekarang dia kata B40 *key* [kan], jadi saya hanya perlu bayar *empat puluh lima* [45] ringgit sahaja untuk *satu* [1] semester, dulu, bayar *empat puluh lima* [45] ringgit untuk *satu* [1] semester dalam *enam* [6] bulan, mana nak cari *dok* [tidak], kemudian, kita diberi pula *lapan puloh* [80] ringgit *sebulan* [1 bulan] duit makan, jadi, di Dungun *tu* [itu], di asrama dia tidak ada makan, *so* [jadi] kita makan di --- sama ada kita pakat ramai-ramai makan di rumah makcik mana-mana, bayar bulan, ada yang buat camtu [macam itu], saya makan di kedai-kedai *ni* [ini], sebab kita Art student [pelajar] *ni* [ini] duit *tu* [itu] kena bahagi banyak *satu* [1] nak beli Art material, nak makan lagi, jadi makan Maggi lah banyak sampai jadi *botok* [botak] *palo* (ketawa kecil) maggi, yang makanan *rujinya* [wajibnya] maggi, dan *tu* [itu] semasa di Dungun, *pre-dip* [pra diploma] di Dungun bila pindah ke Shah Alam, ada dewan makan, *so* [jadi] duit *lapan puloh* [80] ringgit takde, *so* [jadi] makan

kita, dewan makan, pagi-pagi gi *make* [makan] roti *ngan* [dengan] telur.

MSII : Dia sedia? Makan *tiga* [3] kali *sari* [sehari] lah, *tiga* [3] kali *sari* [sehari] makan

MA : Tiga kali *sari* [sehari], pagi roti ngan telur - kadang-kadang nasi lemak, *tu* [itu] menu dia lah, tengahari - nasi --- dia ada hari-hari dia - hari *tetentu* [tertentu] kita dapat nasi dengan lauk ikan *jacket* [cencaru] *tu* [itu] (ketawa kecil) ikan *keronggang* [cencaru], *Okay* [Baiklah], hari jumaat dengan hari ahad, kari ayam, hari-hari lain --- *tu* [itu] lah menu dulu, *lepahtu* [lepastu] dinner, biasanya kul *brapo* [berapa] *dio* [dia] *buko* [buka] (tokoh cuba mengingat kembali) kul 6 sapa kul 8 *male* [malam]. Ho [Jadi] *tu* [itu] biasa *tuka-tuka* [tukar-tukar] menu *gitulah* [bergitulah], ho [jadi] *tu* [itu] dulu, *lepahtu* [lepastu] bilo [bila] *doh* [dah] tukar kepada UiTM, *takdok* [tiada], bila ada PTPTN *apo* [apa] semua *key* [kan] --- *ni* [ini] *sayo* [saya] *cito* [cerita] zaman sejarah *sayolah* [sayalah], zaman *tu* [itu], kita dibela oleh kerajaan, *so* [jadi], oleh kerana itu, untuk menampung lagi duit perbelanjaan saya, yang saya kata tadi kekangan dari segi kewangan *key* [kan], saya terpaksa membuat kerja-kerja sampingan, masa tahun *pertama* [1] boleh tahan lagi, masa pre-dip *tu* [itu] sebab ada *lapan puluh* [80] ringgit sebulan, bila masuk *second year* [tahun 2], saya mula melukis - di jalanan. Sambil belajar, habis kelas, pukul *empat* [4], saya pergi ke Tasik Shah Alam, *masatu* [masa itu] Tasik Shah Alam *tengoh* [tengah] duduk [dalam] bino [pembinaan], [saya] melukis *situ* [di situ] lah, melukis potret *on-the-spot* [secara berdepan], *awok* [awak] mari, saya lukis, *sepuluh* [10] minit, *sepuluh* [10] ringgit, saya dapat *empat puluh* [40] ringgit *sari* [sehari], paling-paling kure [kurang], dengan

empat puluh [40] ringgit *sari* [sehari] *tu* [itu], saya boleh tanggung kawan saya.

MSII : Empat puluh ringgit *zame* [zaman] *tu* [itu] *banyak* [banyak] *doh* [dah].

MA : *Banyak* [Banyak] *doh* [dah], *so* [jadi] begitulah sehingga saya *grad* [lulus dari ITM] - tahun akhir - kedaifan saya *ni* [ini] dikesan oleh pensyarah, jadi mereka banyak membantu saya untuk mencari *client* [pelanggan], oleh kerana saya ada bakat melukis potret *ni* [ini], dicari *client* [pelanggan] sama ada orang-orang kenamaan, Polis, Doktor untuk lukis gambar, lukis potret sehingga saya tahun akhir. Jadi, saya tidak mengharapkan bantuan daripada rumahlah sebab saya tahu adik-adik lagi ramai - cuti saya tak balik - saya balik cuti akhir tahun *ja* [saja], cuti pertengahan tak pernah balik, cari *keje* [kerja].

MSII : Okay [Baiklah], soalan seterusnya, apakah pengalaman manis semasa Encik menuntut di universiti?

MA : Pengalaman - *Okay* [Baiklah], dia ada dua la *ado* [ada] manis *ado* [ada] pahit *key* [kan], *Okay* [Baiklah], pengalaman pahit, daif, serba kekurangan *key* [kan], *cerito* [cerita] *hok* [yang] pahit dulu, *hok* [yang] pahit ni, *kadey-kadey* [kadang-kadang], *dio* [dia] walaupun pahit (ketawa kecil) tapi dah jadi identiti, kalau pelajar Art and Design ni, kalau pakai seluar jeans tak basuh *tiga* [3] *buley* [bulan] *tu* [itu] biasa (ketawa kecil), kita pakai t-shirt *je* [saja] *gi* [pergi] kelas, dulu pakai t-shirt, rambut *panjey* [panjang], *nok* [nak] *pegi* [pergi] library, ambik *kole* [kolar] dari t-shirt lain, *selit* [kemaskan] kat sini (tokoh menunjukkan arah untuk diselitkan), *ho* [ha], *tu* [itu] kreatif eh, *selit* [kemaskan] *pahtu* [lepastu] *paka* [pakai] jaket, sebab *takdok* [tidak ada] *kole* [kolar] *tokleh* [tidak boleh] masuk *key* [kan].

MSII : Sahsiah rupa diri

MA : *Ho* [Ha], ambik *kole* [kolar], *selit* [kemaskan] *ja* [saja], *selit* [kemaskan] *dale* [dalam], *dio* [dia] *macey* [macam] *ado* [ada] *kole* [kolar] la, *pahtu* [lepastu] *paka* [pakai] jaket - Kasut, baju, kadang-kadang member bagi.

MSII : Pinjam [ke] ?

AS : Pinjam [ke] ?

MA : *Bukey* [bukan], bagi, yang mampu dia bagi - sebab pelajar Art and Design ni [ini] dia ada *lapan* [8] *department* [bahagian] *tu* [itu] *kito* [kita], *kito* [kita] *duk* [duduk] satu *building* [bangunan] *macey* [macam] ni, *petey-petey* [petang-petang] kita *berimpun* [berhimpun] *lua* [kat luar], *kito* [kita] *maing* [main] *volleyball* [bola tampat], *maing* [main] *jaming* [main alat music] *music* [muzik] *apo* [apa] *semo* [semua], berdrama, jadi *semo* [semua] *doh* [dah] *macey* [macam] adik beradik, bukan lagi, *you* [awak] *department* [bahagian] seni *haluh* [halus], tak kenal *department* [bahagian] *graphic dok* [tidak], *dio* [dia] *macey* [macam] ni [ini] *semo* [semua] (tokoh menunjukkan simbol tangan untuk hubungan rapat), *Okay* [Baiklah], *tu* [itu] antara yang, macam pahit manis *jugok* [juga] lah, tapi yang paling manisnya, saya mendapat tempahan daripada ITM - untuk melukis - *lima* [5] salinan gambar Yang Dipertuan Agong, *masatu* [masa itu] Sultan Ahmad Syah, - *limo* [5] salinan, *maknonya* [maknanya] *sepuluh* [10] keping, *gamba* [gambar] Agong dan Permaisuri - dan saya juga selalu di cari [oleh orang lain] untuk menempah gambar-gambar tokoh-tokoh apabila adanya *event-event* [majlis-majlis] besar yang berlaku di ITM, misalnya katakanlah, Menteri *nok* [nak] mari, Jins Samsudin *nok* [nak] mari *ko* [ke], *tu* [itu] antara

yang manis, dan yang paling *sayo* [saya] terharu *skali* [sekali], lecturer *sayo* [saya], *dio* [dia] kehilangan kereta, *keno* [kena] curi, jadi akhirnya, kereta itu ditemui oleh Polis, *masatu* [masa itu] Dato Zaman Khan - Zaman Khan *ni* [ini] *kalu* [kalau] *awok* [awak] kaji *sejarah* [sejarah] *dio* [dia] – *dio* [dia] *ore* [orang] *rata panjey* [Rantau Panjang] [Kelantan], *ketuo* [ketua] Polis di Jalan Dang Wangi, *kereto* [kereta] *tu* [itu] ditemui dan untuk - menunjukkan rasa terima kasihnya, lecturer [pensyarah] *ni* [ini] *bowok* [bawak] *sayo* [saya] pergi ke Balai Polis Jalan Dang Wangi *tu* [itu], dengan *easel* [alat untuk memegang canvas] dengan *pastel* [media untuk melukis], lukis *gamba* [gambar] Zaman Khan depan-depan dan dia *baya* [bayar] mahal - lecturer [pensyarah] *tu* [itu] yang *baya* [bayar], bukan Zaman Khan, dan ada seorang lecturer [pensyarah] saya masih ingat nama *dio* [dia] - Said Abu, mungkin sekarang *ni* [ini] Dato, Wallahualam, dia menjadikan saya sebagai anak angkatnya - dan mencari *client-client* [pelanggan-pelanggan] lain untuk saya lukis sebagai mengisi poket untuk terus, belajar, dan saya memang dikenali daripada *first year* [tahun 1] sampai saya dah *grad* [lulus dari ITM] sebagai seorang pelukis potret - dan *figure* [figura] yang -- *talented* [sangat berbakat] masa *belaja* [belajar] dulu.

AS : Besar *jugok* [juga] lah, lukis orang-orang besar ?

MA : Orang-orang besar.

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C: SEJARAH/PENGALAMAN DI UNIVERSITI/TEMPAT BELAJAR

MSII : *Okay* [Baiklah], untuk Bahagian C, saya menyerahkan seterusnya untuk Syamil

AS : *Okay* [Baiklah], seterusnya, kita beralih kepada kerjaya awal Encik. Apakah bidang pekerjaan pertama Encik selepas tamat pengajian?

MA : Lepas tamat - *lepas* [lepas] tamat *belaja* [belajar] di IPT [ITM] saya jadi Cikgu (ketawa kecil)

AS : **Jadi Cikgu terus ?**

MA : jadi Cikgu, jadi Cikgu di SMK Kuala Krai, sekolah pertama

AS : **Adakah pekerjaan itu berkait dengan bidang cikgu semasa belajar di universiti?**

MA : Iyaa [betul], berkait, sebab saya jadi guru pendidikan seni

AS : **Pada tahun bilakah Encik mula bekerja?**

MA : Saya mula jadi guru sebaik saja saya tamat - pengajian di ITM, dulu -- mudah jadi Cikgu, mudah *camna* [macam mana] (tokoh mempersoalkan), *tidok* [tidak] *supo* [seperti] *loni* [sekarang], *kito* [kita] ambik *apani* (sedang berfikir) kursus akademik *empat* [4] tahun, *limo* [5] tahun, masa saya dulu, *empat* [4] tahun, kemudian sambung dengan kursus ikhtisas, pendidikan setahun dan terus dapat - apo namo ni (tokoh sedang berfikir).

MSII : **Penempatan**

MA : Penempatan, sekarang ni - you [awak] belajar di IPT [ITM] ko [ke] you [awak] belajar di IPG ko, keluar *tu* [itu] keno [kena]

MSII : Ambik [Ambil] pendidikan dulu

MA : *Keno* [kena] *ambik* [ambil] pendidikan dulu satu *pahtu* [lepastu] *you* [awak] *keno* [kena] *keje* [kerja] *rata* [di tempat lain] dulu, *apply* [mohon], [di] panggil *interview* [temu bual] *pulok* [pula], saya pernah jadi apani (tokoh cuba mengingat) saya pernah bersama-sama SPA *interview* [temu bual]

AS : Berapa [kah] umur Encik ketika mula bekerja tu?

MA : *Kalu* [Kalau] tak silap *sayo* [saya], sekitar *dua puluh enam* [26], *dua puluh ney* [26] *kot* [rasanya], *tahun lapey puloh ney* [1986], *cer* [cuba] *kiro* [kira] (tokoh menyuruh penemubual untuk membuat kiraan), *enam puloh dua* [1962] [tolak] *lapey puloh ney* [1986] (sedang membuat kiraan), *dua puluh pat* [24], *ho* [betul], *dua puluh pat* [24] (ketawa kecil) sorry

AS : Bagaimanakah Encik mendapat pekerjaan tersebut?

MA : *Apply* [Mohon] lah.

AS : Melalui kelulusan lah ?

MA : Melalui kelulusan lah, *maknonyo* [maknanya] *bilu* [bila] tamat belajar, *bilu* [bila] *kito* [kita] habis *sajo* [saja] kursus ikhtisas diploma pendidikan, jadi di akhir tahun *tu* [itu] kita kena isi *borey* [borang] *key* [kan], *keno* [kena] isi *borey* [borang], *kito* [kita] *nok* [nak] *mitok* [mintak] *mano* [di mana], dan *keno* [kena] *ado* [ada] sokongan aponi (sedang mengingat) daripada pensyarah *kito* [kita], dan dihantar ke kementerian, kementerian *luluh* [lulus] ataupun *tidok* [tidak], saya Alhamdulillah, saya mendapat sokongan kuat daripada pensyarah saya, ramai kawan-kawan saya - yang terpaksa mengajar di - Sabah dan Sarawak, saya boleh balik negeri lagi

AS : **Apakah jawatan yang disandang pada ketika itu? *Maknonya* [Maknanya] guru disiplin *ke* [atau] guru [jawatan yang diperolehi].**

MA : Ouhh, *Okay* [Baiklah], masa mula-mula belajar *tu* [itu] guru akademik biasa dan jawatan-jawatan di sekolah *tu* [itu] biasalah dia bagi guru kelas dia bagi ketua *Panitia* [satu jawatan bagi guru di sekolah], dan bila dia tahu kita *ni* [ini] dari ITM, dia suruh *ngaja* [mengajar] *English* [Bahasa Inggeris], tapi saya tak mahu, sebab bila *start* [mula] *ngaja* [mengajar] *English* [Bahasa Inggeris], *English* [Bahasa Inggeris] *ni* [ini] banyak waktu dia, rugi *pado* [pada] seni, *so* [jadi], saya jadi guru majalah dan guru kebudayaan *ngan* [dengan] dikir barat, drama *apo* [apa] *semo* [semua].

AS : **Berapa lamakah tempoh Encik bekerja pekerjaan itu, [sebagai] guru?**

MA : *Lapan* puluh *ney* [1986] *sapa* [sampai] *duo kosong duo duo* [2022], *tigo puluh ney* [36] tahun dok [tidak] (tokoh menanyakan kepada penemubual)

MSII : ***tigo puluh ney* [36] tahun**

MA : *tiga puluh enam* [36] tahun di *tiga* [3] *buah* [buah] *sekoloh* [sekolah], *sekoloh* [sekolah] *petamo* [pertama] SMK Kuala Krai *lapan puluh enam* [1986] sehingga *sembilan puluh* [1990], *sembilan puluh satu* [1991] sehingga *sembilan puluh tujuh* [1997] SMK Kubang Kerian 1, *masotu* [masa itu] *takdok* [tiada] *satu* [1] (merujuk kepada SMK Kubang Kerian). Kemudian, sekolah terakhir - SMK Zainab 2, *sembilan puluh lapan* [1998] *tu* [itu] sekolah *tu* [itu] sampailah *dua kosong dua dua* [2022], di *sekoloh* [sekolah] *ni* [ini] *tok* [tak] silap *dalam dua puluh tujuh* [27] tahun, lebih *kurey* [kurang] la tu, *semok* [semak] balik, *kira* [kira] balik (tokoh menyuruh kami untuk mengira balik) (ketawa kecil).

AS : Paling lamo [lama] di SMK Zainab ?

MA : Paling *lamo* [lama], disini saya mengajar *aponi* (sedang mengingat) *student* [pelajar] dan anaknya, (ketawa kecil) dan anaknya lah, *doh* [dah] saya *ngaja* [mengajar] *dio* [dia] tahun *sembiley puloh lapey* [1998], *bilu* [bila] *dio* [dia] *kawin* [kahwin], *anok* [anak] *dio* [dia] *pulok* [pula] belajar *ngan* [dengan] saya sampai *form five* [tingkatan 5], *jupo* [jumpa] cucu la (ketawa kecil)

MSII : Kironyo [kiranya] masa form five [tingkatan 5] pernah terlibat dengan kerja kursus seni PSV tu [itu] ka [ke] ?

MA : Oooo (setuju dengan penemubual) mesti, *Okay* [Baiklah], *bilu* [bila] saya jadi ketua panitia [jawatan untuk guru di sekolah] dan saya mengajar di sekolah, di tingkatan *empat* [4] dan *limo* [5], bila *empat* [4] dan *limo* [5] *tu* [itu] , memang terlibat dengan kerja khusus seni, daripada tahun *petamo* [1] saya mengajar sampailah tahun terakhir, memang setiap tahun jadi ni, jadi kalau ado [ada] soalan *bowoh-bowoh* [bawak-bawak] *lepahni* [selepas ini] yang *berkaitey* [berkaitan] dengan tu, saya pernah menjadi Ketua Pentafsir kawasan Kota Bharu [Kelantan], saya pernah menjadi Ketua Pasukan Pemeriksa Kertas SPM Kelantan.

MSII : Pendidikan Seni Visual

MA : Pendidikan Seni Visual, saya pernah menjadi panel soalan, *gapo* [apa] *lagi* (tokoh cuba mengingat), saya pernah menjadi jurulatih utama bagi negeri *Kelate* [Kelantan], saya juga merupakan salah seorang guru cemerlang pakar pendidikan seni bagi negeri Kelantan, D-G *lima puloh empat* [54]

AS : Soalan seterusnya, semasa Encik bekerja sebagai seorang guru, adakah

Encik pernah terfikir untuk menjadi seorang pelukis [pada masa itu]?

MA : (Ketawa kecil), semasa menjadi seorang guru *tu* [itu] pun saya memang dah jadi seorang pelukis *doh* [dah], sejak daripada tahun *sembilan belas* [1919] - bukan, semenjak saya belajar - di ITM pada tahun - *kedua* [ke-2], second year ataupun tahun *ketigo* [ke-3] *gitulah* [begitu lah], saya sudah - mula - masuk - bukan - saya sudah mula menyertai pameran-pameran di galeri-galeri utama.

MSII : Galeri utama *kat* [di] *sana* [ke] [merujuk kepada Shah Alam] ?

MA : Di, *ho* [iya], di Balai Seni Lukis Negara - di Galeri, Shah Alam takdok [tiada] lagi - di Galeri ITM sendiri.

AS : Maknanya, masa Cikgu *ngajar* [mengajar] tu, subjek utama *tu* [itu] seni lah

MA : Seni, *dio* [dia] *maso* [masa] *sayo* [saya] *belaja* [belajar] di Fakulti Art and Design tu, saya belajar - Seni Halus, *Okay* [Baiklah], dalam Seni Halus *tu* [itu] dia *ado* [ada] *empat* [4] disiplin (tokoh menggunakan jari untuk mengira), Lukisan, Catan, Cetakan, Arca, ha, empat disiplin, disamping *tu* [itu], kita belajar sejarah Seni Halus, sejarah Seni Lukis dan *kito* [kita] *belaja* [belajar] juga sejarah Seni Sosial, jadi, semuanya tentang Seni sahaja dan adalah Tamadun Islam, *macey* [macam] *awok* [awak] *sekare* [sekarang] (tokoh bertanya kepada penemubual).

AS : CTU, elektif la ?

MA : Uhhh (sedang berfikir), elektif ke ?

MSII : Elektif.

MA Tapi wajib key [kan] ?

AS : Wajib.

- MA : Elektif wajib (ketawa kecil), kawad *apo* [apa] *semo* [semua] *tu* [itu] *adolah* [adalah] dulu, dipanggil *apo* [apa], KESATRIA (tokoh bertanya)
- MSII : **KESATRIA NEGARA**
- MA : *Haah* [Betul], dulu KESATRIA *je* [saja], ROTU *ado* [ada] tak *mau* [mahu], *kalu* [kalau] masuk ROTU, *tokleh* [tak boleh] *melukih* [melukis] (ketawa kecil), *tokdey* [tak sempat]
- AS : **Tak sempat lah**
- MSII : **[Tentara] Udara ROTU *key* [kan] ?**
- MA : *Tok* [Tak], tentera darat, ROTU, ITM ROTU.
- AS : **Mungkin sekarang dah *takdok* [tiada] *kot* [rasanya].**
- MSII : **Sekarang ada, tapi PALAPES dia panggil.**
- MA : *Haah* [Betul], PALAPES, ROTU *tu* [itu] PALAPES lah, dia, di Shah Alam memang ni, memang *tough* [bertubuh sasa] tu, *sapo* [siapa] masuk *tu* [itu] memang *tough* [bertubuh sasa] (ketawa kecil), *Okay* [Baiklah]

TAMAT BAHAGIAN C

BAHAGIAN D: KERJAYA SEBAGAI PELUKIS

- MSII : ***Okay* [Baiklah], kita beralih kepada Bahagian D iaitu Kerjaya Sebagai Pelukis**
- MSII : ***Okay* [Baiklah], kita mula dengan soalan pertama, apakah yang membuat Encik terinspirasi untuk menjadi seorang pelukis?**
- MA : Saya rasa *hokni* [yang ini] *ni* [ini] uhhh (sedang berfikir), oleh kerana saya,

daripada sekolah saya dah minat melukis dan saya sambung di IPT [ITM] pun dalam bidang Seni Lukis dan saya guru Seni Lukis, jadi *bendo* [benda] *tu* [itu] dah sehati dengan *sayo* [saya], jadi *sayo* [saya] *raso* [rasa] *takde* [tiada], *takde* [tiada] apa yang saya nak kata inspirasi untuk jadi pelukis *tu* [itu] *takde* [tiada], memang dah, memang daripada *kecik* [kecil] lagi, cikgu dan melukis, sekarang *ni* [ini] pun saya *pencen* [gelaran untuk meraka yang habis perkhidmatan] *ni* [ini], saya *tokleh* [tidak boleh] kalau tak melukis, itu sebab saya ambik *booth* [gerai] ni, saya boleh melukis *dua* [2] jam *sari* [sehari] (ketawa kecil).

MSII : Okay [Baiklah], soalan seterusnya, apakah ada di dalam keluarga Encik yang mempunyai minat yang sama dengan Encik iaitu dalam bidang lukisan?

MA : Semua

MSII : Semo [semua] [ke Encik] ?

MA : Semua minat seni, adik saya boleh melukis dan minat seni, adik saya jadi pensyarah seni di ITM, Dr Azman tu, adik ipar saya *tu* [itu] pun guru seni *duo* [2] *duo* [2] *ore* [orang], anak saya sendiri *pon* [pun] boleh, boleh melukis dan sekarang, tapi dia sekarang ni, dia lebih *conderung* [cenderung] *kepada* [kepada] fotografi, dan fotografi, *kerjaya* [kerjaya] *dio* [dia], fotografi untuk butik, tapi hobi *dio* [dia] analog fotografi, *habih* [habis] kamera-kamera *sayo* [saya], kamera filem

MSII : Pakai filem *tu* [itu] ?

MA : Pakai filem tu, *kito* [kita] cuci sendiri *dumoh* [di rumah]

MSII : Pakai *nilah* [inilah], bilik gelap *eh* [ye] ?

MA : Bilik gelap baju *tu* [itu] *jah* [saja]

MSII : **Baju *lapik* [alas] begitu *jah* [saja] ?**

MA : *Dok* [Bukan], baju *hitey* [hilang], baju *hitey* [hilang] *dio* [dia] *macey* [macam] bag, *kito* [kita] *hulur* [memasukkan] tangan *sekat* [setakat] *ni* [ini], *bukok* [buka] *kemero* [kamera] *ambik* [ambil] filem masuk dalam *satu* [1] alat yang kita nak *develop* [bangunkan] filem *tu* [itu], *lepahtu* [lepastu] bila dah masuk dalam alat tu, *bukok* [buka] baju, *kito* [kita] goncang -- tukar *developer* [develop] *bubuh* [letak] pixel dan sebagainya, untuk hitam putih sahaja, cuci sendiri, *kaler* [warna] cuci *keda* [kedai] la, dulu *ado* [ada] Kota Bharu [Kelantan] *ni* [ini], *loni* [sekarang] *takdok* [tiada] *doh* [dah].

MSII : ***Kurey* [Kurang] *doh* [dah] (memberikan pendapat)**

MA : *Bukey* [Bukan] *kurey* [kurang], *dio* [dia] *tok* [tak] buat *doh* [dah] servis tu.

MSII : **Kito beralih pada soalan seterusnya. Bagaimanakah Encik membahagi masa untuk membuat lukisan dan masa bersama keluarga? *Macey* [Macam] pembahagian masa Encik untuk lukisan dan masa untuk keluarga**

MA : Uhhh (sedang berfikir), oleh kerana *family* [keluarga] saya semuanya minat seni, jadi kami, kami tidak ada masalah tentang pembahagian masa tu, *takde* [tiada] masalah, *so* [jadi], dulu ya, dulu masa mengajar, kena fokus pada kerjaya *key* [kan], melukis, sambil-sambil *ngaja* [mengajar] *bilo* [bila] *ado* [ada] *free* [percuma], *Okay* [Baiklah], ataupun *petey-petey* [petang-petang], ataupun setiap *ari* [hari] minggu, tapi *loni* [sekarang] *ni* [ini] bebas, *so* [jadi], *tok* [tak] timbul masalah, *tok* [tak] timbul *aponi* (cuba mengingat kembali), tentang pembahagian

masa, *cumo* [cuma] *loni* [sekarang], setiap hari *sayo* [saya] peruntukan *duo* [2] *jey* [jam].

MSII : Untuk *lukisey* [lukisan]

MA : Untuk *lukisey* [lukisan], dan *kadey-kadey* [kadang-kadang] *family* [keluarga] *pon* [pun] *join* [sertai], ha, *family* [keluarga] *join* [sertai] *skali* [sekali] sebab *kito* [kita] *key* [kan] *ore* [orang] seni *key* [kan].

MSII : *Macey* [Macam] memahami lah

MA : Memang memahami, oleh kerana dia turut sama, turut serta, ha (ketawa kecil)

MSII : *Kironyo* [Kiranya] *mudoh* [mudah] lah *nok* [nak] melukis tu, *kironyo* [kiranya] *ore* [orang] *pehey* [faham]

MA : Ha, *ore* [orang] *pehey* [faham], *gano* [macam mana] *nok* [nak] *kato* [kata] sehati sejiwa lah, contoh paling *mudoh* [mudah], katakanlah *you* [awak] *kawin* [kahwin] dengan, *you* [awak] penyayi *nikoh* [nikah] dengan penyayi jugok, *so* [jadi].

MSII : Memahami

MA : *Takdok* [Tiada] *masaloh* [masalah] lah, *tok* [tak] timbul *doh* [dah] *masaloh* [masalah] bahagi masa - *apo* [apa] *semo* [semua] sebab kita sentiasa *bersamo* [bersama] - *cumo* [cuma] *hok* [yang] sini tok *joinlah* [sertailah] sebab *ni* [ini] *semo* [semua] *laki* [lelaki] *key* [kan].

MSII : Tok [Tak] sesuai lah ?

MA : Tok [Tak] sesuai.

MSII : *Okay* [Baiklah], kita pergi kepada soalan seterusnya, bolehkah Encik ceritakan pengalaman manis Encik sebagai seorang pelukis

MA : Pengalaman manis *sebaga* [sebagai] seorang pelukis uhhh (sedang berfikir) yang *ni* [ini] saya akan sokong, bukan sokong, saya akan *backup* [sandarkan] dengan *profile* [profil] saya, tapi – secara - rumusannya, saya boleh kata macam *ni* [ini] - uhhh (sedang berfikir) melalui bakat Seni Lukis *ni* [ini] saya memperolehi kawan serata dunia, maknanya - saya ada sahabat bukan setakat di Kelantan, bukan setakat di Malaysia, tetapi seluruh dunia, Jepun, India, Amerika, dalam *fesbuk* [facebook] kan, bila kita minat benda yang sama, bila kita masuk *grup* [kumpulan], kita *share* [kongsi] kita *discuss* [bincang], *so* [jadi], tidak ada sempadan, *hoktu* [yang itu] yang pertama, yang manisnya, kita memperolehi ramai kawan,

MSII : Kenalan

MA : Kenalan yang *aponi* (tokoh cuba mengingat kembali) meminati hobi yang sama, yang *tu* [itu] *satu* [1], yang *kedua* [ke-2] - uhhh (sedang berfikir) bakat saya diperakui dan dihargai bila saya jadi pelukis, contohnya, saya sentiasa dipanggil untuk memberikan ceramah, membuat bengkel untuk perkongsian ilmu terutama *skali* [sekali] dalam bidang lukisan *drawing* [lukisan], dalam bidang Catan Cat Air, dalam bidang *Explainmetal Drawing* [penerangan lukisan], dalam bidang Lukisan Digital, dalam bidang Lukisan Cetakan, ha, jadi, *tu* [itu] lah yang manis (ketawa kecil)

MSII : Tu antara pengalaman yang manis lah ?

MA : Ha, antara pengalaman, bila saya masuk pertandingan - Alhamdulillah, saya ada tempat, ada tempat, yang terakhir, bukan yang terakhir, yang terakhir skali [sekali] semasa saya di Sabah

MSII : Pesta Borneo tu [itu] ko [ke]

MA : Ha, bukan Pesta Borneo, yang Borneo *tu* [itu] saja *join* [sertai] *je* [saja], *sayo* [saya] *join* [sertai] *dio* [dia] panggil untuk jadi juri dan, tengok dalam *fesbuk* [facebook] *ko* [ke]

MSII : Dok [Tidak], [di] Google.

MA : Ha, *Okay* [Baiklah], yang saya dapat Johan melukis potret on-the-spot [secara berdepan], di semasa saya menyertai *satu* [1] program anjuran pelukis Sabah dan saya juga mendapat tempat kedua dalam pertandingan Plein Air juga di Sabah, diperingkat kebangsaan, saya dapat tempat ketiga dalam melukis potret - uhhh (sedang berfikir) ratu cantik dunia, setiap seorang pelukis diberi seorang model

AS : Ooo depan.

MSII : Model Real life lah [ke]?

AS : Model betul [ke] ?

MA : *Dio* [Dia] *duk* [duduk] *depey* [di depan], real life lah, *you* [awak] cari (sedang mengingati) saya lupa la *apo* [apa] *namo* [nama] *dio* [dia], program tu, sekitar *dua ribu* [2000] *brapo* [berapa] *eh* [ya] (tokoh cuba untuk mengingat)

AS : Model tu [itu] model international lah [ke] ?

MA : *Iya* [Betul], saya dapat model daripada Kyrgyzstan [Central Asia]

MSII : Kiranya, event [program] tu [itu] event [program] antarabangsa

MA : *Event* [Program] *tu* [itu] *event* [program] kebangsaan, *event* [program] anjuran Balai Seni Lukis Negara, semua pelukis seluruh Malaysia masuk, semua masuk, --- nanti taip situ (tokoh menyuruh untuk mencari penemubual mencari info

mengenai program tersebut) “pertandingan melukis potret anjuran Balai Seni Lukis Negara” [kata kunci untuk program tersebut],

MSII : Pada tahun berapa tu [itu] ?

MA : *Dua ribu* [2000] *brapa* [berapa] (sedang mengingat) siap *ado* [ada] video, orang rakam, saya *duk* [duduk] melukis,

MSII : Nanti saya tengok balik

MA : Ha, - *tu* [itu] antara yang manis la.

MSII : Berapakah lukisan yang encik berjaya hasilkan dalam seminggu?

MA : Kalau masa mengajar dulu tak tentu kerana ada komitmen untuk tugas hakiki. Tapi kalau sekarang ini paling kurang bila duduk di sini, saya akan dapat hasilkan satu karya sehari. Ataupun satu karya dalam masa dua hari. Kalau ada gangguan misalnya melukis lepas itu *member* (kawan) mari berbual, tergantung. Macam hari ni, siap satu sketches. Ini dalam 15 minit (ketawa). Kalau lima belas minit saya duduk sini dua jam saya boleh buat sampai dua tiga keping. Nak tengok saya, Jumaat, Sabtu Ahad ini di Mydin Mall ajak kawan-kawan mari. Kotak Seni ada menganjurkan KB Creative Week. Di situ ada bermacam-macam aktiviti. Saya pameran karya-karya saya, itu yang kosong tu dan saya buat demonstrasi lukisan digital dan ambil tempahan. Siapa nak lukis gambar dia duduk depan, saya lukis

MSII : Apa nama event tu?

AS : Ramai pelukis?

MA : Ya ramai. Rasanya kalau tengok dalam - okay saya pergi kat WhatsApp sebentar. Creative Roadshow namanya. Kejap ya, ini dia.

MSII : Creative Roadshow Mydin Mall anjuran Kotak Seni. Oh.

AS : Persatuan seni ke tu?

MA : Kotak seni ni dia ada galleri dia. Lepas tu dia ada tempat kedai frame (bingkai). Lepas tu dia ada kerjasama dengan beberapa badan lain. Bermula daripada - biasa dari pagi sampai malam. Jadi saya ada di situ Jumaat ni. Jumaat, Sabtu, Ahad.

MSII : InsyaAllah. Kita bergerak kepada soalan seterusnya, berapakah harga bagi sebuah lukisan yang encik hasilkan.

MA : Harga tu tak menentu. Harga ni berdasarkan saiz, berdasarkan media dan berdasarkan kepada tempoh masa. Kalau macam sketchy (lakaran) ni, biasa saya ambil dalam lima puluh ringgit. Kalau yang color (warna) sketchy tu tengoklah seratus lima puluh. Kalau painting (lukisan) besar macam ni paling murah saya ambil seribu setengah. Kita artis ni bukan kita berdasarkan setakat media saja, gaji kita juga. Cara bubuh (letak) harga dia macam ni, pertama media, saiz, kemudian berapa lama buat kali dengan berapa kita gaji diri kita sehari. Adakah pelajar sekolah menengah, pensyarah atau pelukis? Jadi dia ada kategori dia. Kalau sekolah menengah nak jual ribu-ribu orang takkan beli kan. Sebab standard (biasa) dia tak sampai situ, dan dari segi pengalaman dia dan kefahaman dia tak sampai situ lagi. Itu sebab kadang-kadang kita tengok lukisan pelukis yang hebat-hebat dia calit-calit je tapi jual sampai empat lima ribu. Bukan lukisan dia mahal, pengalaman dia mahal. Kalau tengok lukisan atas tu, saya buat gambar Nik Aziz, orang tanya siap dah ke tu? Saya kato (bagitahu), siap dah. Sebab itu sketch. Orang tanya berapa lama buat, saya kata empat puluh

tahun (ketawa). Kita pilih yang paling sesuai (tekstur). Kita buat kita baik. Artistik baik ambil foto. Bila tanya pasal harga, subjektif susah nak oyak (beritahu). Ada yang murah dan ada yang mahal.

AS : Jadi yang lagi kompleks tu mahal la.

MA : Lagi kompleks lagi mahal.

MSII : Kalau *simple* (ringkas) lagi murah (ketawa).

MA : Lagi simple lagi murah. Tapi takdelah sampai dua tiga ringgit (ketawa). Boleh nak lagu (seperti) tu, biasanya kita akan jual yang print. Misalnya, saya print jadi postcard ke, tu boleh lah kita jual dalam sepuluh ringgit sekeping. Ada orang tak mampu beli huk (yang) ni, dia beli yang postcard tu.

MSII : Macam penanda buku?

MA : Ya, penanda buku.

MSII : Kita bergerak kepada soalan seterusnya. Apakah alat yang biasa encik gunakan untuk buat lukisan?

MA : Huk (yang) ni biasa kita panggil media. Jangan tulis alat, media. Sebab alat ni dia berus. Kalau media ni maknanya cat minyak, cat air. So (Jadi), media saya pada permulaan karya-karya saya, saya lebih suka melukis menggunakan pastel. Kemudian, cat air. Lepas tu bila saya terlibat dengan banyak membuat kerja-kerja melukis secara jalanan di pesta-pesta, konvo dan sebagainya, saya lebih dengan charcoal, arang ataupun conte. Conte ni yang brown coklat. Walaubagaimanapun, bila saya dah *start* (mula) ngajar (mengajar), saya lebih suka pada cat air. Cat air ni dia satu media yang paling susah dan menguji kesabaran. Bukan semua orang boleh buat dengan cat air. Kadang-kadang ada

salah faham, setengah cikgu poster colour tu dia kata watercolor. Poster color tu dalam botol tu kerana dia menggunakan air. Ha bukan deh (ya). Poster color kita guna secara tebal, watercolor kita guna secara lutsinar nipis-nipis. Saya lebih suka menggunakan watercolor. [Mengambil peralatan melukis]. Yang ni namanya tiub, yang ni dipanggil pan. Semua color ni jenis artis grade. Maknanya jenis warna yang permanen yang tidak akan luntur. Kalau kita pameran pun warnanya tak akan berubah. Kalau yang school grade tu, dalam tiub juga. Yang tu sepuluh ringgit, enam belas ringgit satu set. Yang ni, satu tiub tiga puluh ringgit [ketawa]. Ini semua imported color.

AS : Kiranya tak boleh dapat di Malaysia la?

MA : Ada. Di store yang besar-besar la. Kalau di Malaysia ni di Nayang. Berus [Tunjuk berus]. Okay yang ni, ni kita panggil hake. Yang ni kita berus untuk kawasan luas sebab dia leper dan ada juga yang pendek. Yang ni kita panggil mop brush. Ni semua jenama yang *famous* (masyhur). Ni macam da Vinci, da Vinci kan Leonardo da Vinci, yang ni harga dia empat ratus ringgit sebatang (ketawa). Kalau yang ni murah, ni yang biasa. Ini pun murah, ni dalam dua tiga ya (ringgit). Tapi yang ni dia kualiti lain. Yang ni pun sama jugak, yang ni kita panggil chisel brush. Yang ni cat tongue brush. Berus lidah kucing. Jadi, dia ada fungsi-fungsi dia. Ini saya guna bila saya nak buat masterpiece. Bentuk berdasarkan lukisan dan apa yang kita nak buat. [Mengambil peralatan melukis]. Ini kertas, kertas yang kita guna untuk watercolor ni biasanya ada tiga jenis. Kita panggil hot press. Hot press tu dia licin macam kertas lukisan sekolah tu. Kemudian cold press. Cold press dia kasar macam ni. Satu lagi rough, dia keras

dan tebal. Biasanya ketebalan ni sehingga tiga ratus gsm [ketebalan kertas]. Jadi ini karya-karya yang saya simpan. Yang lain saya sudah hantar ke kedai frame Kotak Seni yang dia nak bingkakan.

MSII : Bagaimanakah encik mendapatkan ilham untuk melukis suatu lukisan

MA : Ilham saya ni, saya *stick* (rujuk) pada satu sejak dari dulu. Saya suka melukis ataupun idea saya *subject matter* (bahan) saya lukisan yang saya lukis merujuk kepada budaya Kelantan. Saya lukis orang pakai semutar, saya lukis aktiviti-aktiviti orang Kelantan. Saya lukis kenderaan Kelantan, teksi dan sebagainya. Sekeliling, yang saya nak *highlight* (jelaskan) budaya negeri kita.

MSII : Di manakah encik membuat lukisan?

MA : Membuat lukisan tu *depends* (bergantung) , kalau plein air dia pergi lapangan kan, saya pergi situ saya buat situ. Misalnya kalau kata saya nak lukis bot di Pantai Sabak, saya pergi situ. Itu kita panggil plein air. Kalau lukisan studio, sama ada saya buat sini ataupun saya buat di rumah saya. Tapi loni (sekarang) kebanyakannya saya buat sini la.

MSII : Bilakah encik mula membuka booth di Bazar Tengku Anis?

MA : Booth sini sebenarnya saya telah sewa sebelum saya pencen lagi, sebelum Covid-19 tahun 2018 la. Bayar sewa saja enam bulan.

MSII : Masa tu encik guna ke tak?

MA : Tak guna. Mula-mula nak guna petang-petang. Lepas tu bila sewa, perintah berkurung. Sampai satu masa tuan [tuan kedai] dia kata masa 2021 tak payah bayar. Lepas tu bila pencen pada September 2022 baru saya start duduk sini. Baru je memang baru. Dulu kalau mari tu je ada yang kedai merah. Itu pun dia

kadang-kadang je. Ni Cik Ilyas pun sewa sekali dengan saya lah. Bila saya mari dia pun mari. Itu sebelum dia balik dia tanya saya dulu. Sebab kalau saya tiada, dia tak boleh buat kerja.

MSII : Soalan seterusnya, pernahkah encik menyertai apa-apa pameran sama ada di Kelantan atau di luar Kelantan?

MA : Okay yang ni ada, dan yang ni saya akan sertakan dalam profil saya. Dalam profil tu daripada pameran pertama sampai pameran terakhir.

MSII : Bolehkan encik ceritakan bagaimana encik boleh mendapat gelaran Lakarasa?

MA : Okay Lakarasa tu maknanya Lakar tu sketch, kugha (conteng), rasa tu perkataan sanskrit. Dia ada kaitan dengan atma jiwa kita. So dia ni lakaran jiwa lah. Gapo (Apa) dalam diri kita gapo (apa) dalam palo (kepala) kita, luahan kita. Itu dia Lakarasa.

MSII : Bolehkah encik ceritakan penglibatan encik dalam persatuan PELUKIS?

MA : Dengan PELUKIS ni saya ingat tahun berapa ya, itupun setelah saya selesai aktiviti di Langkawi. Pengerusi dia [pengerusi PELUKIS] ajak *join* (sertai), saya join. Sebelum tu, saya adalah ahli Persatuan Pelukis Kelantan, PESENI. Saya juga adalah ahli Persatuan Angkatan Pelukis Malaysia, APS. Dan saya juga adalah ahli Persatuan Cat Air Malaysia, Malaysia Watercolor Society. Jadi saya terlibat dengan banyak persatuan. So, dengan pelukis ni saya dijemput oleh Pak Ali untuk join atas rasa saya seorang guru dan mereka nak cikgu seni dan kongsi pengalaman dari sudut akademik. Sebab kebanyakan dari ahli-ahlinya adalah self talk artist yang ada minat dan ada bakat tapi dari segi akademiknya bila kita

cerita pasal principle, kita cerita soal unsur, kita cerita pasal composition, dia tak tahu.

MSII : Apakah jawatan yang disandang oleh encik dalam persatuan PELUKIS?

MA : Okay jawatan saya sebagai penasihat. Saya tak mahu memegang apa-apa jawatan pengerusi ke setiausaha ke apa sebab saya tak mahu terikat. Sebab bila kita join, kita jadi AJK kita kena ada dalam setiap mesyuarat dia, kita kena jadi perancang. Saya dah lalui benda tu (ketawa) dalam persatuan-persatuan terdahulu dan bila tak kena sikit orang akan cari salah kita.

MSII : Encik pegang jawatan sihat tu berapa lama?

MA : Sejak dari awal PELUKIS ditubuhkan.

MSII : Apakah yang menyebabkan encik menyertai persatuan PELUKIS?

MA : Oh, ni silaturrahim dan perkongsian ilmu.

MSII : Siapakah pelukis lain yang encik kenal di dalam persatuan PELUKIS?

MA : Kebanyakan pelukis saya kenal blako (semua). Jadi saya nak oyak (beritahu) macam mana (ketawa) sebab semua pelukis kawan-kawan saya. Kalau di Kelantan semua ahli kawan-kawan dan anak buah saya. Kalau yang negeri lain tu kawan-kawan saya juga. Sekarang yang paling rapat Ilyas ni, Ilyas, Cikgu Ismail. Yang tu je la paling rapat sebab ni lah geng-geng saya (ketawa). Tapi kalau PELUKIS Malaysia yang tu lain.

MSII : Bolehkah encik ceritakan penglibatan encik dalam pameran Kugha Kugha Klatea atau Kelantan in Sketches yang diadakan di Kelantan pada tahun 2016?

MA : Yang ini one man show saya, pameran solo saya yang pertama di Kelantan. Jadi,

pameran ini diadakan di Muzium Negeri bukan Balai Seni Lukis dekat jam besar tu. Saya tak ingat jumlah karya, tapi pameran solo ni karya saya lah. Dalam tu ada watercolor, ada drawing, cetakan tiada tapi ada pelbagai tema.

MSII : Apakah maksud perkataan Kugha Kugha Klatea dan Kelantan in Sketches?

MA : Kugha Kugha ni asalnya daripada bahasa daerah kita, translate daripada perkataan sketches tu sketch, lakar. Kugha ni contend, lakar juga lah. Jadi bila Kugha Kugha ni kebanyakan karya yang saya buat semuanya adalah berdasarkan luah rasa saya sama ada secara plein air dan ataupun saya buat dalam studio tetapi di situ menggambarkan identiti saya. Orang boleh cey (cam) dari segi stroke saya, daripada gaya saya melukis dan boleh dikatakan hasil karya saya konsep dia sama, simplicity. Ya, minimalist. Macam makcik ni kan [menunjuk lukisan], makcik ni jual dalam pasar, background tu saya tak kisah, saya fokus pada dia lepastu sedikit mengenai hasil jualan dia, itu minimalist. Orang tengok orang dah tahu ni cara Cikgu Adzran. Minimalist ni sederhana tapi mencukupi. Itu saya terjemah secara literal. Less is more.

MSII : Berapa lamakah tempoh masa pameran ini diadakan?

MA : Tiga bulan. Bila ada sambutan tu dia *extend* (lanjutkan). Dalam tempoh tu kita ada aktiviti etek (sebenarnya). Saya buat bengkel, ceramah. Gambar-gambar cuba cari lah ada, ada satu bengkel potret saya buat tu tak muat. Dia terpaksa guna kamera, pasang CD di bilik lain pula untuk join. Student pun melukis juga lah.

MSII : Berapakah jenis lukisan yang terlibat dalam pameran ini?

MA : Campur-campur. Ada pastel, ada cat air, dan ada dakwat. Akrilik rasanya saya tak pamer

MSII : Pada pendapat encik, adakah pameran sebegini akan diadakan kembali pada masa akan datang?

MA : InsyaAllah. Sebenarnya saya ada buat juga pameran solo di galeri-galeri lain. Satunya di Galeri Al-Ari, pameran solo yang kedua. Kemudian, di galeri saya sendiri galeri Lakarasa, pameran solo yang ketiga. Dan lepas ni kami akan buat lagi pameran. Dalam proses perbincangan, mungkin di Kampung Kraftangan kita akan buat satu lagi pameran.

MSII : Bolehkah encik ceritakan penglibatan encik dalam pameran Langkawi Sketches yang diadakan pada tahun 2019 yang lalu di Langkawi?

MA : Yang tu lanjutan daripada Lakar Lukis Langkawi, 3L. Satu program tahunan yang dianjurkan oleh Angkatan Pelukis Malaysia. So, pameran Langkawi ni kita membuat lakaran, maknanya kami pelukis-pelukis membuat lakaran dan lakaran-lakaran tersebut dibukukan untuk mengangkat nama Langkawi. Kita mengangkat Langkawi dari sudut pandangan mata seorang pelukis. Ada macam-macam sama ada pasar dia, kampung dia, jeti dia. Jadi di Langkawi ada bermacam-macam lah, kalau awak pergi seronok.

MSII : Apakah lukisan yang encik pameran dalam pameran tersebut?

MA : Tajuk saya tak ingat tapi saya rasa ada dalam buku tu. (ketawa)

MSII : Bolehkah encik ceritakan penglibatan encik dalam pameran Pesta Seni Borneo pada tahun 2019 yang lalu?

MA : Okay yang ni Borneo Art Festival kan, yang ni kali pertama saya terlibat sebagai

peserta dan juri dan ianya satu pesta di peringkat antarabangsa sebab ianya disertai oleh Filipina, Thailand dan Indonesia. Jadi di sana saya dapat satu *booth* (tempat) untuk pameran kerja-kerja dan sambil buat demonstrasi. Dan kali kedua pun macam tu juga sebagai peserta dan juri pertandingan.

MSII : Di manakah Pesta Seni Borneo ini diadakan?

MA : Di Labuan, Sabah. Pulau Labuan.

MSII : Siapakah yang terlibat bersama encik dalam pesta Seni Borneo ini?

MA : Tadi saya sebut, pelukis-pelukis daripada - - - .

MSII : Dari Kelantan ada ke?

MA : Kali kedua tu saya bawa adik saya. Pensyarah seni daripada ITM, Doktor Azman. Dia buat cetakan saya buat cat air.

MSII : Apakah lukisan yang encik pameran dalam pameran tersebut?

MA : Lukisan yang saya pameran yang kali pertama tu saya pamer dua lukisan, Pasar Siti Khadijah dan yang kedua tu saya hanya buat demonstrasi dan saya pamer. Sebab saya tak bawa lukisan, kalau saya bawa kena tinggal situ pula (ketawa).

TAMAT BAHAGIAN D

BAHAGIAN E: PENCAPAIAN DAN ANUGERAH

AS : Seterusnya bahagian e iaitu pencapaian dan anugerah. Apakah pencapaian yang pernah diterima oleh encik dalam bidang lukisan selain Kugha Kugha Klatea atau Kelantan in Sketches?

MA : Pameran solo saya ada buat beberapa siri, kalau pencapaian dan anugerah ni saya akan sertakan dalam profil saya. Peringkat kebangsaan pun saya dah menang, di peringkat Sabah pun kalau nak kira peringkat kebangsaan juga lah sebab peserta-peserta daripada Kedah pergi, daripada Pahang pergi, daripada Perak pergi. Kalau di peringkat negeri kat sini pun, saya pernah mendapat tempat saguhati. Sini bila saya buat abstrak dia tak boleh terima dia nak realis juga (ketawa).

AS : Apakah anugerah yang paling diingati oleh encik?

MA : Yang tu lah yang lukis gambar, anugerah tempat ketiga pertandingan melukis potret peringkat kebangsaan di Balai Seni Lukis Negara. Jadi yang lain secara *detail* (lebih lanjut) saya akan beri dalam profil.

TAMAT BAHAGIAN E

BAHAGIAN F: SUMBANGAN DAN HARAPAN

MSII : Okay encik kita akan pergi kepada bahagian f iaitu sumbangan dan harapan. Kita mula dengan soalan pertama. Apakah sumbangan yang

encik berikan kepada negeri encik iaitu Kelantan dalam bidang lukisan?

MA : Dalam bidang lukisan bagi negeri, saya pernah menjadi selain daripada menjadi penceramah, selain dari menjadi juri, selain dari menjadi tutor, saya pernah menjadi tenaga pengajar kelas percuma anjuran Balai Seni Lukis di Bank Kerapu dan Kampung Kraftangan untuk sesiapa sahaja yang minat melukis kita buat kelas pada hari Khamis pukul dua petang sampai pukul enam, dululah. Jadi ramailah pelukis batik ada, cikgu ada, peguam ada, yang minat melukis yang mari join. Lepas tu menjadi pelukis terkenal dan ada yang menyara hidup sebagai pelukis macam Pak Ayub kalau awak pergi Kampung Kraftangan tu, ada orang tua duduk melukis, tua dia tak berapa segar mana dah, itupun murid saya (ketawa). Tua tapi murid saya.

MSII : Apakah sumbangan terbesar encik dalam bidang lukisan kepada negara?

MA : Di Borneo Art Festival tu dan dalam bengkel-bengkel yang saya *share* (kongsi) idea kepada guru-guru seni di peringkat kebangsaa. Jadi saya memberikan bengkel di Selangor, di Johor, di Kedah dalam bidang cetakan dan catan cat air.

MSII : Apakah sumbangan encik kepada keluarga encik?

MA : Rasa soalan nombor tiga ni agak luas (ketawa). Tapi yang boleh saya kaitannya sumbangan dan pencapaian saya ni kita kongsi bersama kegembiraan dia, sebab seperti mana yang saya kata tadi, majoriti keluarga saya ni adalah orang-orang seni visual. Jadi, kita ada minat yang sama. Kita pernah buat pameran Balai Seni Negara, majoriti semua masuk

MSII : Adakah dengan memberi sumbangan kepada masyarakat, ia dapat memberi kesan kepada kemahiran cikgu dalam lukisan?

MA : Perkongsian yang saya buat, saya rasa masyarakat mula membuka mata, celik seni. Maknanya menghargai objek-objek seni, memahami apa itu seni visual bukan setakat tengok dan memberi komen oh lawanya [berlakon] tapi kenapa lawa, kenapa cantik, kenapa bagus, kenapa tak bagus. Membuka mata dan memahami dan menghargai apa itu karya seni.

MSII : Soalan seterusnya, apakah harapan encik kepada generasi baru dalam bidang lukisan?

MA : Harapan saya terutamanya anak-anak muda, begitu juga dengan parents (ibu bapa) mereka, kalau boleh jangan menganggap bahawa seni visual seni lukisan ni adalah satu kerja sia-sia ataupun satu kerja yang buang masa sebab seni visual terlibat secara langsung dalam kehidupan kita. Bukan sahaja seni visual ni ada kaitan dengan lukisan di dinding, lukisan dalam frame tetapi ia termasuk dalam semua aspek. Kalau ada anak-anak yang minat seni, ibu seharusnya memberi galakan kerana pada zaman sekarang seni bukan lagi tertakluk kepada penggunaan material konvensional tetapi sudah boleh menggunakan kaedah-kaedah dan material digital. Loni (Sekarang) sesiapa sahaja boleh jadi pelukis (ketawa) dan melukis tu ada gunanya

MSII : Mungkin untuk jana pendapatan.

MA : Ya, jana pendapatan. Kalau tak nak bekerja dengan orang pun boleh cari pitih (duit). Bukan kata boleh lukis muka orang dok (tak).

MSII : Pada pendapat encik apakah kriteria yang perlu ada pada seseorang itu untuk menjadi seorang pelukis berjaya?

MA : Istiqomah. Maknanya jangan putus asa. Tetap pendirian. Sabar sebab dalam

kehidupan ni jatuh bangun adalah ujian. Gagal biasalah. Belajar apa-apa pun kita akan ada halangan. Nak apa-apa pun bukan mudah. Dan sebenarnya kesusahan kita untuk capai sesuatu benda tu, itu adalah benda yang paling bermakna dalam hidup kita. Tu adalah guru yang amat bermakna.

MSII : Apakah harapan encik yang belum tercapai yang ingin dicapai oleh encik dalam bidang lukisan ini?

MA : Saya rasa dengan umur yang saya ada, setakat ni saya rasa Alhamdulillah Tuhan dah banyak bagi peluang buka jalan memenuhi harapan dan cita-cita saya walaupun kadang-kadang rezeki, tuah ataupun benda-benda yang anugerah macam tak sangka boleh macam ni [berlakon]. Jadi setakat ni Alhamdulillah dengan apa yang saya ada saya rasa saya sudah cukup bersyukur. Saya pun tidak mengharapkan ni (anugerah) sangat. Saya rasa apa yang saya ada ni, niat saya lani (sekarang), saya nak kongsi agar ianya boleh diguna oleh rakan-rakan dan kalau ada misalnya ada idea Tuhan bagi ilham lepas ni, Alhamdulillah. Saya sudah bersyukur dengan apa yang saya capai. Kita boleh staro (setakat) ni pun Alhamdulillah dah sebab ada lagi orang kurang pada kita kan. Jadi ada yang ni kita share, dan sekarang Alhamdulillah dalam keadaan saya tak nak buat kelas. Kerjaya saya berakhir 5 September. Saya tak nak jadi cikgu dah. Tapi bengkel boleh sebab bengkel one shot, sehari habis. Kalau buat kelas, kita terikat kita janji. Ahad pukul lapan sampai pukul sepuluh, Ahad depan kena mari pulak [berlakon]. Saya tak nak jadi buat kerja baru. Yang ni hobi (melukis) bukan kerja (ketawa). Jadi Alhamdulillah dengan apa yang saya capai, saya terima Tuhan bagi, saya rasa tu rezeki yang cukup bermakna dah.

MSII : Terima kasih encik kerana sudi bertemu bual bersama kami.

TAMAT BAHAGIAN F

Alhamdulillah, dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Adzran Omar sebagai tokoh seniman dalam bidang seni lukis. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Tanpa Kerjasama yang baik diberikan oleh beliau, wawancara ini tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang. Adalah diharapkan dengan hasil temubual yang dilakukan ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang lukisan kepada para penyelidik atau pelajar dalam bidang ini pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

RUJUKAN

RUJUKAN

Mohd Azdran bin Omar. (2023, 17 Januari). *Interviewed by Muhammad Safdar Izzul Islam bin Mohd Yatim & Ahmad Syamil bin Ismail*. Kelantan: Bazar Tengku Anis

Cikgu Mohd Azdran Omar. [@AdzranOmar]. (n.d.). *Facebook* [Facebook profile]. Retrieved November 6, 2023, from <https://www.facebook.com/AdzranOmar>

Press Reader. (2019, October 5). *Pesta Seni Borneo 2019 menggegar benua*. Press Reader. <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sabah/20191005/281797105738102>

Bernamea. (2016, Mac 31). *Kugha-Kugha Kelatea' luahan hati pelukis di Muzium Negeri Kelantan*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/kughakugha-kelatea-luahan-hati-pelukis-di-muzium-negeri-kelantan-100495>

Balken, D. B. (2005). *Movement in modern art: Abstract expressionisme*. Millbank, London: Tate Publishing, Tate Enterprises Ltd. British Library Cataloguing.

Mohd. Johari Ab. Hamid. (2008). *Apresiasi dan kritikan seni visual*. Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris

Rashidah A. Salam. (2000). Penggunaan bahan pribumi dalam pengolahan seni tampak moden. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Seni Visual. Balai Seni Visual Negara pada 23 hingga 25 Mei 2000.

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Ahmad Syamil Ismail dan Muhammad Safdar Izzul Islam Mohd Yatim menemubual Encik Mohd Adzran Omar, yang dilahirkan pada 5 September 1962, di Tanah Merah, Kelantan. Temubual dijalankan di Bazar Tengku Anis di Kota Bharu, Kelantan. Temubual sedikit sebanyak menyentuh mengenai pengalaman beliau sebagai seorang pelukis dalam tahun 1982 hingga 2023.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
